



15 Mac 2022  
15 March 2022  
P.U. (B) 146

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

SURUHANJAYA SIASATAN UNTUK MENYIASAT ISU-ISU  
BERBANGKIT MENGENAI PENGURUSAN DAN OPERASI  
LEMBAGA TABUNG HAJI DARI 2014 HINGGA 2020

*COMMISSION TO ENQUIRE THE ARISING ISSUES ON  
MANAGEMENT AND OPERATION OF  
LEMBAGA TABUNG HAJI FROM 2014 UNTIL 2020*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA SURUHANJAYA SIASATAN 1950

SURUHANJAYA SIASATAN UNTUK MENYIASAT ISU-ISU BERBANGKIT MENGENAI  
PENGURUSAN DAN OPERASI LEMBAGA TABUNG HAJI DARI 2014 HINGGA 2020

TAULIAH

BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong mendapati suai manfaat dikeluarkan suatu Tauliah melantik Pesuruhjaya-Pesuruhjaya dan memberi kuasa kepada mereka untuk menyiasat isu-isu berbangkit mengenai pengurusan dan operasi Lembaga Tabung Haji dari 2014 hingga 2020:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh perenggan 2(1)(d) dan subseksyen 3(1) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [*Akta 119*], Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan Tauliah dan melantik—

1. YABhg. Tun Mohamed Raus bin Sharif;
2. YBhg. Tan Sri Samsudin bin Osman;
3. YBhg. Tan Sri Abdul Rashid Hussain;
4. YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir bin Abdul Majid;
5. YBhg. Profesor Dr. Asmadi bin Mohamed Naim; dan
6. YBrs. Encik Norsyahrin bin Hamidon,

menjadi Pesuruhjaya-Pesuruhjaya untuk menjalankan siasatan ini dengan bidang tugas yang berikut:

- (a) untuk meneliti isu-isu berbangkit mengenai pengurusan dan operasi Lembaga Tabung Haji dari tahun 2014 hingga 2020, dengan merujuk kepada temuan pengauditan Pricewaterhouse Coopers (PwC),

Ernst & Young (EY) dan Roland Berger (RB), tidak termasuk pelan penstrukturan dan pemulihan yang sedang dijalankan;

- (b) untuk meneliti semua dokumen dan keterangan-keterangan yang berkaitan, serta menentukan sama ada terdapat perbuatan menyembunyikan maklumat dan memberi kenyataan yang mengelirukan berhubung dengan isu-isu yang dibangkitkan;
- (c) untuk mengesyorkan tindakan yang sesuai diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, secara langsung atau tidak langsung, tanpa menjejaskan apa-apa siasatan dan tindakan perundangan yang sedang diambil oleh pihak berkuasa berkaitan; dan
- (d) untuk mengemukakan laporan hasil siasatan dan syor mengenai langkah-langkah untuk menambah baik pengurusan dan operasi Lembaga Tabung Haji kepada Kerajaan,

dan mengarahkan bahawa—

- (i) YABhg. Tun Mohamed Raus bin Sharif hendaklah menjadi Pengerusi;
- (ii) lima (5) orang Pesuruhjaya hendaklah membentuk kuorum;
- (iii) siasatan itu hendaklah diadakan di mana-mana tempat, pada mana-mana tarikh dan pada bila-bila masa yang ditentukan oleh Pengerusi;
- (iv) siasatan hendaklah secara tertutup;
- (v) Pesuruhjaya-Pesuruhjaya hendaklah menjalankan kuasa mereka mengikut Akta Suruhanjaya Siasatan 1950; dan

- (vi) Pesuruhjaya-Pesuruhjaya hendaklah menyiapkan siasatan itu dan mengemukakan suatu laporan kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa enam bulan dari tarikh Tauliah ini dikeluarkan.

Bertarikh 28 Februari 2022

[JAKIM(R).100-4/11/1; PN(PU2)282/III]

Dengan Titah Perintah

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
*Perdana Menteri*

COMMISSIONS OF ENQUIRY ACT 1950

COMMISSION TO ENQUIRE THE ARISING ISSUES ON MANAGEMENT AND OPERATION  
OF LEMBAGA TABUNG HAJI FROM 2014 UNTIL 2020

COMMISSION

WHEREAS it appears to the Yang di-Pertuan Agong to be expedient to issue a Commission appointing Commissioners and authorizing them to enquire the arising issues on management and operation of Lembaga Tabung Haji from 2014 until 2020:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred upon him by paragraph 2(1)(d) and subsection 3(1) of the Commissions of Enquiry Act 1950 [Act 119], the Yang di-Pertuan Agong issues a Commission and appoints—

1. YABhg. Tun Mohamed Raus bin Sharif;
2. YBhg. Tan Sri Samsudin bin Osman;
3. YBhg. Tan Sri Abdul Rashid Hussain;
4. YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir bin Abdul Majid;
5. YBhg. Profesor Dr. Asmadi bin Mohamed Naim; and
6. YBrs. Encik Norsyahrin bin Hamidon,

to be Commissioners to carry out the enquiry with the following terms of reference:

- (a) to scrutinise the arising issues on management and operation of Lembaga Tabung Haji from year 2014 until 2020, by referring to Pricewaterhouse Coopers (PwC), Ernst & Young (EY) and Roland Berger (RB) audit findings, excluding ongoing restructuring and rehabilitation plans;

- (b) to scrutinise all related documents and evidences, and to determine whether there were acts of concealment of informations and giving misleading statement relating to the arising issues;
- (c) to recommend appropriate action to be taken against any party who violated any law in force, directly or indirectly, without prejudice to any investigations and legal actions being taken by the relevant authorities; and
- (d) to submit a report of the result of investigation and recommendation on measures to improve the management and operation of Lembaga Tabung Haji to the Government,

and directs that—

- (i) YABhg. Tun Mohamed Raus bin Sharif shall be the Chairman;
- (ii) five (5) Commissioners shall constitute a quorum;
- (iii) the enquiry shall be held in such places, on such dates and at such times as the Chairman may determine;
- (iv) the enquiry shall be held in camera;
- (v) the Commissioners shall exercise their powers in accordance with the Commissions of Enquiry Act 1950; and
- (vi) the Commissioners shall complete the enquiry and render a report to the Yang di-Pertuan Agong within six months from the date of the issuance of this Commission.

Dated 28 February 2022

[JAKIM(R).100-4/11/1; PN(PU2)282/III]

By Command

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
*Prime Minister*